

# KAJIAN PEMAHAMAN RAKAN ELIT PPD SARAWAK TENTANG PROGRAM TRANSFORMASI SEKOLAH 2025 (TS25)

Ling Song Kai, Abdul Khalid bin Bujang dan Omar bin Hj Mahli

**ABSTRAK-** Tahap Pemahaman Rakan ELIT PPD tentang TS25 adalah penting. Hal ini disebabkan PPD adalah Rakan Pembimbing paling dekat dengan sekolah. Kejayaan Program TS25 amat bergantung kepada Rakan ELIT. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan tahap kefahaman Rakan ELIT TS25. Kajian tinjauan ini dijalankan ke atas 32 orang pegawai PPD di negeri Sarawak pada tahun 2022 yang terlibat dengan pelaksanaan program di sekolah-sekolah TS25 dengan menggunakan soalan dan temuramah (PPD Simunjan dan PPD Julau). Data kajian dianalisis menggunakan perisian "Excel". Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan item yang dikaji mendapat maklum balas yang positif. Aspek pemahaman Pegawai menunjukkan 84.1% responden memahami soalan TS25. Implikasi kajian ini penting untuk meninjau kefahaman terhadap pelaksanaan Program TS25 dan relevan dengan perkembangan trend bimbingan sekolah masa kini. Tindakan susulan dan penambahbaikan juga dicadangkan. Pendedahan pendekatan ini dicadangkan perlu diperluaskan ke sekolah-sekolah lain bagi mencapai matlamat bimbingan secara menyeluruh di sekolah Negeri Sarawak.

**Kata kunci :** Tahap kefahaman; Pentadbir sekolah; Amalan TS25; Rakan ELIT Educational Leadership and Instructional Team

## I PENGENALAN

Program TS25 adalah program transformasi sekolah yang dijalankan secara berfasa bermula dari tahun 2016. Program ini bermatlamat untuk menggalakkan pembelajaran murid secara aktif dengan membangunkan persekitaran pembelajaran yang lebih berkesan, iklim bilik darjah dan sekolah yang kondusif serta fleksibel. Keutamaan juga kepada aspek pengurusan sekolah yang cekap dan peningkatan capaian serta penggunaan kemahiran teknologi maklumat. Pelibatan ibu bapa dan komuniti sangat dialukan dalam proses pembelajaran murid. Ia sejajar dengan hasrat dalam Falsafah Pendidikan kebangsaan juga yang memerlukan anjakan paradigma bagi mentransformasikan sistem yang lebih berkualiti (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Rakan Educational Leadership and Instructional Team (*Rakan ELIT*) merupakan golongan penting dalam membimbing sekolah TS25. RE penting bagi memastikan intipati sebenar Program TS25 tercapai (Mohd Nasir Hasin, 2018). Bimbingan RE akan memberi impak terhadap empat komponen utama program TS25 seperti Pemimpin Berkesan, Guru Berkualiti, sokongan PIBG dan persekitaran Pengajaran dan Pembelajaran bermakna.

Rakan ELIT PPD dan School Improvement Specialist Coaches (SISC+) di bawah Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) diberi mandat untuk memberi bimbingan kepada sekolah TS25 bagi Kohort 2 hingga 5. Bimbingan yang diberikan adalah bagi tujuan

memberi sokongan kepada sekolah berhubung pelaksanaan aktiviti TS25 yang dilaksanakan dalam tiga siri. Setiap siri bimbingan akan berlangsung selama dua hari. Mereka akan mengisi hasil bimbingan dalam portal KPM selepas setiap bimbingan. Setakat ini negeri Sarawak mempunyai 173 Rakan ELIT. 37% merupakan Pegawai PPD dan SISC+.

## II LITERASI KAJIAN

Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) merupakan sebahagian daripada usaha Kementerian Pendidikan Malaysia ke arah meningkatkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti. Mengaplikasikan amalan terbaik dalam pelaksanaan pengurusan dan kepimpinan serta pedagogi dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) selari dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2025. TS25 adalah satu usaha ke arah melahirkan modal insan unggul melalui persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan, disokong kepimpinan yang berkualiti dan berwawasan, guru yang kompeten dan beraspirasi tinggi dan komitmen komuniti yang padu. Bagi memastikan kemenjadian murid dan kualiti sekolah dicapai maka objektif dan matlamat program Transformasi Sekolah 2025 perlu dilaksanakan dengan telus serta memerlukan penghayatan lonjakan perubahan dalam pendidikan sebagai salah satu momentum untuk menggerakkan pencapaian matlamat daripada Enam Bidang Keberhasilan Negara (NKRA) yang berpaksikan kemenjadian murid melalui pendidikan yang berkualiti.


Transformasi pendidikan negara ke arah PAK21 bermatlamat melahirkan murid yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global. Bagi mencapai tujuan tersebut, guru dituntut untuk melaksanakan *lifelong learning*, *knowledge development* dan *knowledge sharing* bagi memenuhi hasrat pendidikan negara (Christopher Day, 2010). Guru perlu sentiasa berusaha menjana pelbagai aktiviti yang sesuai dan seiring dengan tahap perkembangan minda muridnya. Mereka juga perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman serta berkemahiran bagaimana hendak menyampaikan isi pelajaran kepada murid dengan betul (Tickle, 2000). Aspek kemenjadian murid iaitu kompetensi pembelajaran 6C (*communication*, *critical thinking*, *collaborative*, *creativity*, *character* dan *citizenship*) yang diterapkan dalam proses PDPC sangat penting supaya mereka boleh saling berinteraksi dan bekerjasama bersama rakan sebaya, guru dan komuniti dengan lebih aktif lagi. Matlamat ini diharap dapat melahirkan generasi muda yang memenuhi tuntutan ekonomi global, selain menjadi

warganegara yang dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cergas (AACTE, 2010). Jadi ini menunjukkan kepentingan Rakan ELIT sebagai Rakan yang dapat membantu mereka mencapai matlamat berikut.

Program TS25 mementingkan pelbagai teori kepimpinan yang ada sekarang. Sebagai contohnya teori Kepimpinan Transformasional Burns (1978) dan Bass (1985) merupakan gaya kepimpinan yang terhasil daripada teori kepimpinan Trait. Teori kepimpinan trait menyatakan individu yang memiliki sifat tertentu yang melayakkan mereka menjadi pemimpin. Teori ini diperkenalkan oleh James Mac Gregor Burn pada tahun 1978 dan kemudiannya ditambahbaikkan oleh Bernand M. Bass pada tahun 1985. Burns (1978) mentakrifkan kepimpinan transformasional sebagai satu gaya kepimpinan di mana seorang pemimpin menggerakkan, mengilhami serta mengangkat kedudukan pengikut. Bass (1985) pula berpendapat kepimpinan transformasional merupakan kepimpinan yang melibatkan pandangan jauh secara proaktif yang melibatkan perancangan hala tuju masa hadapan di mana pemimpin meramalkan peluang dan cabaran yang akan dihadapi oleh organisasi. Model Kepimpinan Transformasi Slocum dan Hellriegel (2007) terdiri daripada empat dimensi utama iaitu motivasi berinspirasi, membina rangsangan intelektual, memupuk pengaruh yang ideal dan pertimbangan berasaskan individu.

Jadual di bawah merupakan golongan RE yang terdapat dalam TS25. Iaitu IAB, IPGM, JPN, PPD, SIP+, SISC+ dan PGB. Mereka saling bantu membantu antara satu sama lain. Dalam kajian ini, kami menumpukan kepada PPD dan SISC+ sahaja.

JADUAL 1: RAKAN ELIT DALAM PROGRAM TS25



### III TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah bagi mendapatkan Tahap pemahaman Rakan ELIT PPD terhadap sekolah TS25. Dapatan kajian ini diharap dapat memberi gambaran berkaitan persediaan PPD dalam bimbingan TS25 ke atas sekolah kerana mereka merupakan golongan yang paling dekat dengan sekolah dalam membimbing sekolah mencapai hasrat TS25.

### IV OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai objektif utama, iaitu untuk mendapatkan Tahap Pemahaman RE PPD terhadap Konsep asas TS25.

### V METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini dijalankan ke atas 30 orang pegawai yang telah melaksanakan bimbingan di sekolah TS25. Kesemua responden menjawab soal selidik secara bersemuka melalui soalan kuiz, data dianalisis dan dihurai secara deskriptif dan inferensi dengan menggunakan komputer melalui program *Excel*.

Sampel kajian ini diadakan ke atas 2 PPD iaitu PPD Simunjan dan PPD Julau. Tujuan utama 2 PPD itu dipilih kerana 2 PPD itu merupakan PPD berfokus bagi JPN Sarawak. Jadi taburan responden adalah seperti jadual di bawah.

JADUAL 2 : JUMLAH RESPONDEN KAJIAN PPD DI SARAWAK

Responden	PPD Julau	PPD Simunjan	PPD Selangau	Jumlah
32	11 responden 7 Pegawai SPS dan 4 SISC+	11 responden 7 Pegawai SPS dan 4 SISC+	10 responden 6 Pegawai SPS dan 4 SISC+	32 responden

Gambar di bawah merupakan gambar Pengkaji telah menjalankan penerangan kepada pegawai PPD pada bulan Julai-Ogos 2022.

JADUAL 3: SEMASA MENJALANKAN KAJIAN DI PPD MASING MASING PADA JULAI 2022



### VI DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4. Responden akan menjawab soalan-soalan kuiz yang dikemukakan dengan menyenaraikan jawapan mengikut pemahaman masing-masing.

JADUAL 4: CONTOH SOALAN JAWAPAN KUIZ RESPONDEN

<p>Soalan TS25 Nama: <u>Raymond</u></p> <p>3) Bila pemakluman tentang TS25? 2015? ...</p> <p>2) Bila taklimat mula ts25 semua pegawai di ...</p> <p>3) Berapa k1 sekolah? ...</p> <p>4) Apakah yang anda faham tentang TS25? ...</p> <p>5) 4 elemen utama ts25 ...</p> <p>6) Apa tagline ts25? ...</p> <p>7) Apa konsep TS25? ...</p> <p>8) 3 element/matlamat utama TS25? ...</p> <p>9) Apakah objektif TS25? ...</p> <p>10) Apakah fokus utama TS25? ...</p> <p>11) Senaraikan anjakan yang berkaitan dengan ...</p> <p>12) Berapa modul dalam TS25? ...</p>	<p>Soalan TS25 Nama: <u>Badi Anak Seti s</u></p> <p>1) Bila pemakluman tentang TS25? 2015? <u>20</u></p> <p>2) Bila taklimat mula ts25 semua pegawai di Sarawak? ...</p> <p>3) Berapa k1 sekolah? <u>11 sekolah</u></p> <p>4) Apakah yang anda faham tentang TS25? <u>Usaha ke arah meningkatkan dan sebaran betualiti dan amalan terbaik dalam per...</u></p> <p>5) 4 elemen utama ts25? <u>Guru baktualiti, pemimpin be...</u></p> <p>6) Apa tagline ts25? <u>Kemajadian murid dan s...</u></p> <p>7) Apa konsep TS25? <u>Perskitaran pembelajaran yang...</u></p>
--	--

1. Bila pemakluman tentang TS25 di Malaysia?
2. Berapa sekolah Kohort 1 TS25 di Sarawak?
3. Apakah yang anda faham tentang TS25?
4. Sila terangkan 4 element TS25
5. Apakah Tagline TS25?
6. Apakah Konsep TS25?
7. Apakah matlamat utama TS25?
8. Apakah objektif TS25?
9. Apakah fokus utama TS25?
10. Senaraikan anjakan yang berkaitan dengan TS25.
11. Berapa modul dalam program TS25?
12. Senaraikan fasa-fasa TS25?

Soalan	Jawapan Betul	Jawapan Salah	Jumlah responden	Markah (%)
Bila pemakluman tentang TS25 di Malaysia?	30	2	32	93.8
Berapa sekolah Kohort 1 TS25 di Sarawak?	20	12	32	62.5
Apakah yang anda faham tentang TS25?	32	0	32	100
Sila terangkan 4 element TS25?	32	0	32	100
Apakah Tagline TS25?	15	17	32	46.8
Apakah Konsep TS25?	30	2	32	93.8
Apakah matlamat utama TS25?	27	5	32	84.4
Apakah objektif TS25?	31	1	32	96.9

Apakah fokus utama TS25?	29	3	32	90.6
Senaraikan anjakan yang berkaitan dengan TS25.	14	18	32	43.8
Berapa modul dalam program TS25?	31	1	32	96.9
Senaraikan fasa-fasa TS25?	32	0	32	100

## VII PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, pemahaman Pegawai SPS dan SISC+ terhadap TS25 adalah pada tahap baik. Secara purata tahap pemahaman Pegawai SPS dan SISC+ tentang konsep TS25 iaitu 84.13%. 100% responden faham tentang maksud TS25, 4 element penting TS25 dan juga fasa-fasa TS25. 96.9% respondent tahu tentang objektif TS25 dan juga jumlah modul dalam TS25. 93.8% respondent tahu tentang konsep dan masa mula Program TS25. 84.4% respondent tahu tentang matlamat utama TS25. 62.5% respondent tahu tentang bilangan kohort di Sarawak. Manakala hanya 46.8% tahu tentang tagline TS25 dan 43.8% tahu tentang anjakan yang berkaitan dengan TS25. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden atau pegawai PPD faham konsep asas TS25 manakala sebilangan responden kurang dapat menghubungkan TS25 dengan Tagline TS25 dan juga PPPM 2013-2025.

Melalui temuramah dengan responden berikut tentang kerja hakiki mereka. Didapati kebanyakan responden faham dan tahu tentang TS25 tetapi masih perlu lagi usaha yang dilakukan untuk mengubah persepsi responden tentang kepentingan dan kelestarian pelaksanaan TS25 dalam element berikut.

- Memberi bimbingan, sokongan dan bantuan kepada sekolah. Contoh: Pelaksanaan kurikulum, ko-kurikulum, pengurusan, kewangan dan lain-lain (70%) .
- Membantu perancangan pembangunan guru bersama sama PGB, GPK Pentadbiran dan Rakan ELIT IAB dan IPG (80%)
- Memantau perkembangan pelaksanaan Pelan Intervensi Transformasi Sekolah 2025 (PiInTaS) dan prestasi sekolah (80%)
- Merekod dan membincangkan isu-isu pelaksanaan RE mempunyai pendekatan mereka dalam sesi bimbingan dengan sekolah (60%).
- Memantau kemajuan, prestasi kewangan, pencapaian sekolah dan kepimpinan sekolah (60%)
- Menyelaras pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti (75%)
- Merancang tindakan susulan dan menilai keberkesanan tindakan susulan (55%)



- Menilai keberkesanan dan penambahbaikan berterusan (70%)

Hasil daripada sesi temuramah, didapati pegawai memahami dan dapat menjalankan tugas dengan amanah dan memuaskan dengan min 68.75%. Penambahbaikan yang perlu diberi perhatian ialah merancang tindakan susulan dan menilai keberkesanan tindakan susulan. Responden boleh menilai pelaksanaan TS25 dan membuat penambahbaikan mengenai program yang telah dilaksanakan. Jika hasilnya memberangsangkan, maka program atau aktiviti tersebut boleh dikekalkan. Kalau berlaku sebaliknya, maka perlu melakukan banyak perubahan untuk penambahbaikan semula.

## VIII KESIMPULAN

Transformasi sistem Pendidikan yang dihasratkan KPM melalui PPPM. Transformasi yang dialami oleh sekolah TS25 menerima sokongan pelbagai pihak. Dapatan ini adalah mustahak kepada pihak berkepentingan seperti pegawai SPS PPD dan pegawai School Improvement Specialist Coaches (SISC+) dari PPD. Pegawai tersebut memainkan peranan penting bagi memastikan kelestarian kepimpinan guru di peringkat sekolah demi merealisasikan kemenjadian murid dan sekolah berkesan. Cadangan penambahbaikan ialah pada masa sama kami juga hendak mempertimbangkan hakikat bahawa untuk memantau sekolah yang banyak dengan sumber manusia yang terhad akan menjadi faktor yang mencabar. Dengan itu, KPM dicadangkan supaya menambahkan bilangan kuota pegawai/SISC+ mahupun SIPartners+ untuk sama-sama membantu dan membimbing sekolah ke arah sekolah yang berkualiti dan cemerlang.

## RUJUKAN

- AACTE. (2010). *21<sup>st</sup> Century Knowledge and Skills in Educator Preparation*. American Association of Colleges of Teacher Education and the Partnership for 21<sup>st</sup> Century Skills, Pearson
- Azalya Ayob. 2003. Kepentingan kemahiran generik di kalangan pekerja di industri elektrik dan elektronik di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Projek Sarjana Muda, Universiti Teknologi Malaysia. Bahagian Teknologi Pendidikan. 2007a. *Laporan Pelaksanaan Projek Rintis Project Based Learning*. Kuala Lumpur: Bahagian Teknologi Pendidikan.
- Bass, B.M. 1985. *Leadership and Performances Beyond Expectation*. New York: Free Press.
- Burns, J.M. 1978. *Leadership*. New York: Harper & Row.
- Churach, D. & Fisher, D. 2001. Science Students Surf the Web: Effects on Constructivist Classroom Environments. *Journal of Computers in Mathematics*.
- Faizah Mohamad, (2007). *Motivating Learners through Project-Based Learning*. Paper presented at the International Conference on Teaching and Learning (ICTL 2007). Putrajaya: Malaysia. Diperoleh Februari 12, 2010 daripada <http://ictl.intimal.edu.my/ictl2007/proceeding/index.htm>.and *Science Teaching* 20(2), 221-247.
- Faridah Salam\*, Ramlah Mailik & NorHasbiah Ubaidullah (2015). Perubahan Pencapaian Matapelajaran Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Melalui Pembelajaran Berasaskan Projek Dengan Scaffolding. *Jurnal Pendidikan Malaysia*,40(1)(2015).
- Grant, M. 2009. *Understanding Projects in Project-Based Learning: A Student's Perspective*. Pembentangan Kertas Kerja di Annual Meetings of the American Educational Research Association. San Diego, CA. April, 2009.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Pendekatan Modular Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Bahagian Pendidikan Guru. April 2010.
- McGrath, D. (2005). *Technology-supported PBL: Developing 21st century skills for all students*. Diperoleh Februari 2, 2010 daripada [http://coe.ksu.edu/McGrath/Edunova/Edunova\\_paper.htm](http://coe.ksu.edu/McGrath/Edunova/Edunova_paper.htm).
- Mohd Nasir Husin (2018). *Garis Pandian Pelaksanaan TS25*.
- Mioduser, D., & Betzer (2003) *The Contribution of Project-Based to High Achievers Acquisition of Technological Knowledge and Skills*. *International Journal of Technology and Design Education*, 18, 59-77.
- Norliza Brahim, Shaffe Mohd Daud & Rosnaini Mahmud. (2010). *PBL sebagai Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Kontemporari Abad Ke-21 Di Malaysia*. Himpunan Kertas Kerja 2nd International Malaysia Educational Technology Convention. 461-471.
- Ocak, M.A. & Uluyol, C. (2010). *Investigation of College Students Intrinsic Motivation in Project Based Learning*. *International Journal of Human Sciences*, 7(1), 1152-1169.
- Rozinah Jamaludin (2002), *Teknologi Pengajaran*, Kuala Lumpur :Utusan Publication & Distributor Sdn Bhd.
- Rowe, K.J. (2004). *In good hands? The importance of teacher quality*. *Educare News*, Issue No. 149, July 2004, pp. 4-14.
- Tal, T., Krajcik, S. & Blumenfeld, P. C. 2006. *Urban Schools' Teachers Enacting Project-Based Science*. *Journal of Research in Science Teaching*, 43(7), 722-745.
- Tickle, L. (2000). *Teacher Induction: The Way Ahead*. Buckingham: Open University Press.
- Zamri Mahamod. 2012. *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.